

Mudahnya buat bom tangan

KUALA LUMPUR 28 Jun - Pendedahan berleluasa di internet menyebabkan penjenayah begitu mudah mendapat maklumat untuk membuat bom tangan bagi tujuan tertentu.

Pakar Kriminologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Mohammad Rahim Kamaluddin memberitahu, lambakan maklumat itu seolah-olah mewujudkan 'laluhan mudah' kepada penjenayah untuk membuat bom dengan hanya duduk di rumah berbanding cara konvensional sebelum ini, proses-proses berkenaan perlu dilakukan di makmal canggih.

"Mudahnya mendapat maklumat mengenai kuantiti serta ukuran bahan kimia dengan tepat untuk menghasilkan letupan menyebabkan insiden-insiden seumpama ini semakin meningkat sejak kebelakangan ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kejadian letupan bom tangan di sebuah pub di IOI Boulevard, Puchong di sini, kira-kira pukul 2 pagi ini yang mencederakan lapan pengunjung premis yang sedang menonton perlawanan bola sepak Euro 2016 antara Sepanyol dan Itali.

Ketika diminta mengulas trend kejadian yang kini menyasarkan tempat-tempat tumpuan ramai termasuk di Sun Complex Bukit Bintang, sebelum ini, Mohammad Rahim memberitahu,

penjenayah yang menggunakan bom tangan lebih dikaitkan dengan faktor instrumental yang mana mereka gemar menyatakan 'ketidakpuasan' terhadap kumpulan besar.

"Ketidakpuasan ini mungkin boleh jadi permusuhan ekoran perniagaan atau dendam terhadap sekumpulan individu. Mereka selalunya tidak mengendahkan orang lain ketika melakukan jenayah itu," jelasnya.

Dalam pada itu, bekas Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd. Bakri Zinin turut mempunyai pandangan yang sama.

Beliau yakin lambakan maklumat mengenai cara-cara membuat bom tangan di YouTube dan sebagainya memungkinan sesiapa sahaja membuat bom tangan di Malaysia.

"Dengan hanya mengeluarkan sedikit wang untuk membeli bahan kimia serta berbekalkan peralatan ringkas, berpandukan maklumat di internet, maka terhasilnya bom tangan," katanya.

Bagaimanapun beliau yakin insiden itu adalah susulan daripada beberapa kejadian sebelum ini.

"Kedua-dua individu ini mungkin mempunyai salah faham atau permusuhan yang lama. Beberapa siri tindakan mungkin pernah berlaku, cuma mereka tidak melaporkan kepada polis. Itu yang berakhir dengan insiden seumpama ini," ujar beliau.



MOHAMMAD RAHIM

info

LETUPAN DI PUSAT HIBURAN

19 NOVEMBER 2008

- > Lebih 100 pengunjung termasuk warga Singapura bertemparan lari apabila dikejutkan dengan letupan dipercayai berpunca daripada silinder minuman keras pada pukul 10.56 malam di Platinum Disco KTV Lounge, Plaza Sentosa, Taman Sentosa, Johor Bahru.

1 MAC 2010

- > Pengunjung sebuah pusat hiburan gempar apabila sebutir bom petrol yang dilempar oleh dua lelaki bermotosikal meletup kira-kira 2.45 pagi di hadapan premis itu meletup di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur.

9 OKTOBER 2014

- > Seorang parah, manakala 13 orang cedera dalam kejadian letupan dipercayai bom buatan sendiri kira-kira pukul 4.20 pagi di hadapan sebuah kelab malam di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.